

**KERINCHI:** Sikap penjaja yang beroperasi secara haram di tepi jalan dan laluan pesiar kaki yang tidak mementingkan kebersihan dengan membuang sampah di merata tempat menjadi salah satu punca peningkatan wabak denggi di beberapa penempatan di Lembah Pantai.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata pemeriksaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati kebanyakan tempat pembiakan nyamuk Aedes yang dikenal pasti adalah di dalam bekas makanan yang dibuang di laluan pesiar kaki dan longkang.

"Kedegilan penjaja haram dan pejalan kaki untuk memastikan semua sampah-sarap dibuang ke tempat yang disediakan menyebabkan kawasan penempatan seperti di Vista Angkasa dan Desa Aman menjadi antara 'kawasan panas' berlakunya wabak denggi.

"Sejak Januari, kira-kira 28 kes denggi dicatatkan di kedua-dua penempatan itu, bagaimanapun penempatan Taman Bukit Angkasa

# Penjaja kotor punca denggi

Berita Harian 29/06/2008 12/58



YAZIT RAZALI/BERITA-HARIAN

**PENDUDUK** bergotong-royong membersihkan kediaman pada Majlis Gotong-Royong Perdana Kempen Pencegahan Wabak Denggi di Dewan UMNO Kampung Kerinchi Taman Bukit Angkasa.

merekodkan penurunan kepada lima kes berbanding kira-kira 30 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

"Sehubungan itu, semua pihak diminta memberi kerjasama terhadap usaha penguatkuasaan oleh DBKL dalam mencegah wabak ini selain lebih bertanggungja-

wab dalam menjaga kebersihan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas مراسم Gotong Royong Perdana Kempen Pencegahan Wabak Denggi anjuran Madrasah An-Nur Taman Bukit Angkasa di sini, kelmarin.

Hadir sama Pengerusi Pengelola aktiviti itu, Mohd Yahya Yusop dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam DBKL, Dr Umi Ahmad.

Dalam perkembangan lain, Raja Nong Chik berkata, sebuah syarikat pemaju telah bersetuju membina 100 gerai sementara di tapak pasar

Sejak Januari, kira-kira 28 kes denggi dicatatkan di kedua-dua penempatan itu, bagaimanapun penempatan Taman Bukit Angkasa merekodkan penurunan kepada lima kes berbanding kira-kira 30 kes bagi tempoh sama tahun lalu"

**Raja Nong Chik Zainal Abidin**

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

tani berhampiran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi untuk kemudahan berniaga bagi kira-kira 120 penjaja gerai tepi jalan sekitar Pantai Dalam.

"Pelancaran projek membina kemudahan gerai sementara itu akan dilakukan pada Julai ini atau sebelum bulan puasa akan datang dan pembinaan gerai dijangka siap pada tahun depan," katanya.